

Jabatan Perkhidmatan Awam ,
Malaysia
Tingkat 9-14, Bangunan U.M.B.C.
Jalan Sulaiman,
Kuala Lumpur.

9hb. November, 1973.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.21 TAHUN 1973

Tanggungaji Penyelia Talipon, Tingkatan II

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada perenggan 2 dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 tahun 1973](#) yang menetapkan:-

- (i) bahawa Penyelia Talipon, tingkatan II yang sedang berkhidmat di Jabatan Talikom dan Jabatan-jabatan lain hendaklah diletakkan atas tanggungaji \$425x25-525 sebagai untuk penyandang;
- (ii) bahawa Operater Talipon yang akan dinaikkan pangkat ke jawatan Penyelia Talipon, Tingkatan II di Jabatan Talikom dan Jabatan-jabatan lain tanggungajinya ialah \$400x25-475;
- (iii) bahawa tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah 1.6.1973,

dan memaklumkan iaitu Kerajaan telah mengkaji semula ketetapan mengenai tanggungaji bagi jawatan Penyelia Talipon, Tingkatan II dan tarikh kuatkuasa seperti yang tersebut di atas dan telah memutuskan:-

- (i) bahawa Penyelia Talipon, Tingkatan II di Jabatan Talikom dan Jabatan-jabatan lain hendaklah diletakkan atas tanggungaji \$425x25-525 dan Operator-operator Talipon yang dinaikkan pangkat ke jawatan ini pun diberi tanggungaji yang sama;
- (ii) bahawa tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah 1hb. Januari, 1970.

2. Sifir permindahan gaji bagi Penyelia Talipon, Tingkatan II itu adalah seperti di [Lampiran 'A'](#).

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD SALLEHUDIN BIN AHMAD JALALUDIN)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Setiausaha-Setiausaha/Setiausaha Kementerian.
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan.
Yang Berhormat, Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri, Malaysia Barat.

LAMPIRAN 'A'

I.	<u>PERKHIDMATAN / JABATAN</u>	<u>KEMENTERIAN / JABATAN</u>
	Penyelia Talipon Tingkatan II	Jabatan Talikom dan Jabatan-Jabatan Gunasama (P.A.B.X.)

II. TANGGAGAJI

1.	Tanggagaji Pokok :	\$285 x 14 - 341
2.	Tanggagaji Sekarang	\$425 x 25 - 525
3.	Tanggagaji Baharu Untuk Penyandang :	Tiada

III. SIFIR PEMINDAHAN

<u>Gaji Pokok</u>	<u>Elaun Sara Hidup</u>	<u>Elaun Rumah</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Gaji Bersih</u>
\$ ¢	\$ ¢	\$ ¢	\$ ¢	\$ ¢
285.00	54.64	52.50	392.14)	425.00
299.00	57.64	52.50	409.14)	
313.00	60.64	52.50	426.14)	450.00
327.00	63.64	52.50	443.14)	
341.00	66.64	52.50	460.14	475.00
				500.00
				525.00

Catitan :

Peratoran-peratoran mengenai pemindahan gaji, tarikh kenaikan gaji dan lain-lain di dalam

[Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1970](#) hendaklah dipakai.